

22 APR 2000

MAHATHIR-PEMBINAAN/I

MAHATHIR: KERAJAAN LEBIH BERHATI-HATI DALAM MELULUSKAN PROJEK HARTA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Kerajaan kini lebih berhati-hati dalam meluluskan permohonan oleh pemaju-pemaju harta untuk membina ruang harta baru, khususnya di sekitar Kuala Lumpur kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya ini adalah bagi mengelakkan berulangnya bekalan berlebihan yang terjadi semasa kelembapan ekonomi dahulu.

Kerajaan perlu berhati-hati agar pemaju-pemaju harta tidak menghadapi masalah sekali lagi apabila mereka tidak boleh menjual atau menyewakan ruang harta mereka.

Menurut Perdana Menteri, kali ini pemaju-pemaju harta perlu menjelaskan kepada kerajaan sama ada mereka boleh menjual harta-harta (yang mereka bina) atau tidak, sebelum permohonan mereka boleh diluluskan.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan upacara memecah tanah projek Apartmen Sri Rakyat di Bandar Bukit Jalil, di sini.

"Bila mereka (pemaju harta) membuat permohonan (untuk membina harta) mereka dikehendaki membuktikan mereka boleh jual, mereka benar-benar mendapat tempahan, dan sama ada mereka telahpun menetapkan jualan," katanya.

Menyebut satu contoh, beliau berkata bahawa dalam beberapa kes di Kuala Lumpur telah ada lebih bekalan pusat-pusat membeli belah.

"Jadi saya rasa, Datuk Bandar (Kuala Lumpur) tidak akan membenarkan (rancangan untuk membina pusat membeli belah yang baru)," katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa walaupun kerajaan (pesekutuan) boleh mengawal pembinaan pusat-pusat membeli belah di Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan, namun ia tidak ada kuasa ke atas kawasan-kawasan di negeri-negeri di sekitar Kuala Lumpur.

"Jadi, kadang-kadang bila kita enggan (membenarkan pembinaan harta) di sini (Kuala Lumpur), tapi mereka (negeri-negeri) membinanya di sana, mereka wujudkan kedudukan lebih bekalan," kata beliau.

Disebabkan ini, "kita lihat pusat-pusat membeli belah telah kehilangan pelanggan disebabkan pusat-pusat membeli belah baru didirikan," tegas Dr Mahathir.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata kerajaan melihat kemunculan lebih banyak tanda-tanda bahawa industri pembinaan tempatan telah mulai rancak semula.

"Kita lihat kegiatan-kegiatan kembali semula dalam setiap bidang ekonomi, termasuk pemulihan industri pembinaan," katanya.

Kata Perdana Menteri sungguh memberangsangkan melihat bangunan-bangunan yang tidak siap dan projek-projek terbengkalai disambung pelaksanaannya manakala kren menara pula kini bergerak semula.

Ini juga memberi kesan positif kepada industri-industri sokongan yang lain seperti industri bahan binaan, industri sub-kontrak dan pengangkutan setelah masing-masing terjejas teruk dengan kemelesetan industri pembinaan, tambahnya.

Dr Mahathir juga melihat keyakinan rakyat telah kembali dan mereka mula membeli lebih banyak kedai dan rumah.

"Seperti yang dapat kita lihat, promosi-promosi seperti kempen pemilikan harta atau rumah yang diadakan, berjaya menjual harta bernilai RM800 juta," katanya. -- BERNAMA

RIZ KY JR JR